

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24 October 2015

Penanda kejayaan untuk kembalikan kedudukan ekonomi negara - Perdana Menteri

Enam pencapaian utama kerajaan

UM - 24/10/2015

■ KUALA LUMPUR 23 OKT.

DATUK Seri Najib Tun Razak menyenaraikan enam pencapaian utama kerajaan sebagai penanda kejayaan yang boleh dibanggakan sekali gus mengangkat kembali kedudukan ekonomi negara dari kedudukan di mana ia berada ketika separuh dekad lalu.

Perdana Menteri berkata, pencapaian pertama ialah ekonomi semasa negara berkembang sebanyak 5.3 peratus bagi separuh tahun pertama pada tahun ini dan dianggarkan mencapai 4.5 peratus hingga 5.5 peratus sepanjang tahun meskipun ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar perlahan iaitu 3.1 peratus.

Jelas beliau, pencapaian kedua pula ialah kerajaan dapat mengurangkan defisit fiskal daripada 6.7 peratus kepada 3.2 peratus yang dijangka berlaku pada tahun ini.

"Pencapaian ketiga, melalui Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang bermula pada tahun 2010, kerajaan ini telah meneruskan mujahadah pembasmian kemiskinan.

"Hasilnya, dalam tempoh lima tahun, kadar kemiskinan berkurang daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada kini 0.6 peratus pada tahun lalu. Malah, sebenarnya kemiskinan tegar telah hampir disifarkan," katanya ketika membentangkan Bajet 2016 di Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memberitahu, hasil pengurusan ekonomi negara yang

berkesan, kerajaan berjaya mengurangkan kadar pengangguran kepada 2.9 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun 1999 dengan mewujudkan sebanyak 1.8 juta peluang pekerjaan.

Selain pencapaian itu, kata beliau, seramai lima juta rakyat di kawasan luar bandar telah berjaya mendapat manfaat kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih termasuk menyediakan pelbagai kemudahan demi meringkatkan kos sara hidup rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Klinik 1Malaysia, Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Kedai Rakyat 1Malaysia.

"Kemasukan pelaburan asing pula terus kukuh pada RM22.4 bilion pada separuh pertama tahun ini manakala indeks Bursa Kuala Lumpur mencatat 1,705 mata bersamaan nilai pasaran RM1.675 trilion menjelang penutup bursa semalam.

"Walaupun ringgit menyusut nilai, rizab antarabangsa kekal tinggi sebanyak RM418 bilion pada 15 Oktober lalu yang mampu sebenarnya membiayai selama 8.8 bulan import tertanggung dan 1.2 kali hutang luar jangka pendek, selain negara terus berada dalam inflasi terkawal antara dua hingga tiga peratus.

"Ini menunjukkan bahawa realitinya Malaysia negara kita yang tertinca bukanlah negara gagal atau bankrap, sebaliknya kita masih stabil, masih kukuh dengan asas ekonomi dan terus berdaya saing," katanya.



NAJIB TUN RAZAK (tengah) membawa beg yang berisi dokumen Bajet 2016 sewaktu keluar dari Kompleks Kementerian Kewangan, Perbendaharaan Malaysia, Putrajaya sebelum dibentangkan di Parlimen semalam. Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah (dua dari kiri), Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Chua Tee Yong (kanan), Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani (dua dari kanan) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah (kiri). - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN